

14/06/1998

Tuduhan nepotisme sukarkan rakyat, negara

KUANTAN: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, usaha untuk mengganggu gugat kestabilan politik dengan melemparkan pelbagai tuduhan terhadap kerajaan, termasuk mengamalkan sikap pilih kasih dan nepotisme berlandaskan agenda politik tertentu, boleh menyukarkan rakyat dan negara.

"Jika kita menggugat kestabilan politik di negara ini kerana agenda politik tertentu, negara dan rakyat sudah tentu mengalami kesukaran.

"Ini kerana apabila kestabilan politik digugat, negara tidak akan menerima kemasukan pelaburan, bukan saja dari luar, malah pelabur dari negara ini," kata Perdana Menteri dalam sidang akhbar selepas merasmikan kilang Pahang Cement Sdn Bhd (Pahang Cement) di Bukit Sagu, kira-kira 50 kilometer dari sini, semalam.

Dr Mahathir ditanya sama ada kenyataan Ketua Pemuda Umno, Datuk Zahid Hamidi, yang meminta kerajaan memperkenalkan tata cara baru pengurusan dan pengendalian ekonomi untuk menolak amalan negatif, termasuk nepotisme, rasuah serta penyalahgunaan kuasa, boleh memberi kesan tidak baik terhadap usaha menarik pelaburan ke negara ini.

Zahid membuat kenyataan itu ketika merasmikan Kongres Pemantapan Ekonomi Negara anjuran Pemuda Umno di Kuala Lumpur, Ahad lalu.

Ditanya sama ada Zahid berhak menyuarakan pendapat mengenai amalan suku sakat dan pilih kasih kerana beliau sendiri dilantik kerajaan sebagai Pengerusi Bank Simpanan Nasional (BSN), Dr Mahathir berkata:

"Saya tak ada komen tetapi kami kadang-kadang membuat keputusan (mengenai pelantikan) walaupun tidak tahu siapa mereka dan tidak ada hubungan dengan kami."

Dr Mahathir juga menerangkan lebih lanjut mengenai masalah kegawatan ekonomi negara yang kini menular ke dalam politik seperti disebut dalam ucapan perasmian kilang itu.

Perdana Menteri memberi contoh di Indonesia, sebaik saja ekonomi negara itu mengalami tekanan selepas penarikan beberapa subsidi, keadaan politik pula mendapat kesan dan kerajaan Suharto digulingkan.

Mengenai beberapa golongan pelajar di luar negara yang menyuarakan penentangan terhadap amalan pilih kasih dan suku sakat, Dr Mahathir berkata, kebanyakan pelajar, terutama Melayu mendapat biasiswa yang diberikan mengikut Dasar Ekonomi Baru (DEB).

"Oleh itu, mereka juga adalah suku sakat saya kerana mereka mendapat faedah daripada DEB.

"Mereka sepatutnya tidak berbuat demikian terhadap suku sakat yang lain," katanya.

Beliau menjelaskan usaha kerajaan menghulurkan bantuan adalah jujur dan ikhlas semata-mata untuk menjamin pengagihan sama rata kepada semua lapisan masyarakat.

Dr Mahathir berkata, selepas menamatkan pelajaran, pelajar memerlukan pekerjaan dan sebahagiannya pula menyertai universiti dengan menjadi profesor atau ahli perniagaan yang berjaya.

Tanpa DEB, kata beliau, sudah tentu mereka tidak dapat melanjutkan pelajaran ke luar negara.

Menurutnya, enam juta pelabur Permodalan Nasional Berhad (PNB) juga diberi peluang menanam modal dalam pelbagai syarikat di bursa saham dan ini menunjukkan kerajaan tidak mengamalkan sikap pilih kasih.

"Kita boleh memberi saham kepada mereka yang terdekat dengan kita tetapi kita tidak mahu. Sebaliknya, kita beri kepada enam juta orang melalui

PNB," katanya.

Perdana Menteri turut menafikan kerajaan mengamalkan sikap pilih kasih dalam pemberian kontrak kecil melalui konsep payung yang dibatalkan, baru-baru ini.

(END)